

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ANUAR BIN ABD.  
MANAP  
(SEKIJANG)**

**TARIKH : 25.11.2014  
(SELASA)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-**

- (a) apakah LIMA 2015 akan mempunyai keunikan yang tersendiri lain daripada yang lain; dan**
- (b) bagaimana LIMA 2015 dapat menyumbang perkembangan industri pertahanan negara.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Sememangnya pameran LIMA `15 mempunyai keunikan yang tersendiri berbanding pameran pertahanan yang lain. Ini disebabkan pameran ini merupakan satu-satunya pameran pertahanan yang menggabungkan komponen maritim dan aeroangkasa.

Pameran LIMA `15 telah diberi suntikan nafas baru dengan penglibatan sektor komersil di bawah Kementerian Pengangkutan serta mengambil perspektif ASEAN sebagai langkah awal dalam menerajui ASEAN pada tahun 2015. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dirancang adalah penyertaan syarikat-syarikat penerbangan komersil ASEAN seperti Malaysia Airlines, Garuda Airlines, Thai Airways dan lain-lain.

Selain daripada itu, beberapa persidangan antarabangsa juga dirancang yang melibatkan industri pertahanan dan komersil dalam bidang aeroangkasa dan maritim. Persidangan ini dapat melebarkan jaringan perniagaan industri terutama di rantau ASEAN.

Penyertaan negara serta pempamer juga akan bertambah bagi LIMA `15 nanti termasuklah penglibatan negara-negara ASEAN, *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC) serta negara-negara maju yang lain seperti USA, France, Australia dan China. Selain itu, penyertaan aerobatik *team* juga dijangka lebih meriah pada LIMA `15 kelak.

Penganjuran pameran LIMA sejak tahun 1991 telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung kepada peningkatan sosio ekonomi negara. Berdasarkan rekod penganjuran LIMA '13 yang lalu, pulangan dari aspek pelancongan menjana pendapatan tidak langsung berjumlah RM328 juta dengan purata setiap pelawat perdagangan membelanjakan RM5,000 di Malaysia.

Bagi pelaburan jangka masa panjang pula, sebanyak 24 kontrak perjanjian persefahaman telah ditandatangani berjumlah RM558.63 juta. Pun begitu, antara objektif utama pameran ini adalah untuk memberikan peluang kepada industri maritim dan aeroangkasa tempatan dalam melebarkan perniagaan ke peringkat antarabangsa.

Selain daripada itu, pameran yang dibuka kepada pelawat awam ini juga memberikan pendedahan awal kepada rakyat untuk menceburi perniagaan yang boleh dimanfaatkan serta membuka peluang-peluang pekerjaan bagi golongan belia melalui program-program kerjaya yang dianjurkan.

Secara keseluruhannya, pameran ini memberikan impak positif kepada sektor pelancongan negara selain meningkatkan pelaburan kepada industri dalam negara.

**NO. SOALAN: 26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7245**

**SOALAN:**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah anggota polis di Pulau Pangkor dan juga di Daerah Manjung, Perak yang telah ditangkap atau diambil tindakan tatatertib kerana mengedar dadah atau terlibat dalam penyalahgunaan dadah dalam tahun 2011, 2012, 2013 dan 2014.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**PDRM amat memandang serius terhadap isu penglibatan dan penyalahgunaan dadah di kalangan warga polis. Oleh itu, pemeriksaan integriti (*integrity testing*) iaitu pemeriksaan saringan air kencing terhadap warga polis sentiasa dijalankan sama ada secara berkala atau *spotcheck* oleh pegawai Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) dengan kerjasama pegawai Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dengan tujuan untuk memastikan setiap warga polis bersih daripada sebarang penglibatan dan penyalahgunaan dadah. Tindakan tegas akan diambil sekiranya mereka didapati terlibat dengan dadah sama ada dari segi undang-undang mahupun tata tertib.**

**Bagi tahun 2011 sehingga Ogos 2014 seramai 11 orang Pegawai Pangkat Rendah (PRP) dari IPD Manjung, Perak telah terlibat dalam isu dadah bagi 14 kes yang berlainan. Dalam jumlah tersebut, hanya 1 kes sahaja ditangkap atas kesalahan pemilikan dadah dan bakinya 13 kes adalah kes penyalahgunaan dadah. Daripada jumlah tersebut, seorang PRP yang bertugas di Balai Polis Pangkor.**

**Daripada 13 kes penyalahgunaan dadah, 5 kes telah dituduh di mahkamah, 5 kes lain laporan Jabatan Patologi / Jabatan Kimia**

**berkeputusan negatif dan 3 kes masih dalam siasatan atau menunggu keputusan Jabatan Patologi / Jabatan Kimia.**

**Tindakan tatatertib telah diambil terhadap anggota yang terlibat dengan kesalahan tersebut yang mana seorang telah dibuang kerja, empat dalam proses untuk diambil tindakan, dan enam lagi telah bebas daripada sebarang tindakan.**